

# Meningkatkan Potensi Produktiviti

## **PENGENALAN**

**RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH,  
2011-2015: KEMAJUAN**

## **ISU DAN CABARAN**

Pasaran Buruh

Kedinamikan Pasaran

Beban Kawal Selia

Ekosistem Inovasi

**RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS,  
2016-2020: HALA TUJU**

Sasaran Produktiviti

Strategi Meningkatkan Produktiviti

## **KESIMPULAN**

## **LAMPIRAN**

Kertas Strategi

1

Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

Ketua Pengarah  
Unit Perancang Ekonomi  
Jabatan Perdana Menteri  
Blok B5 & B6  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 Putrajaya  
MALAYSIA

<http://www.epu.gov.my>

Tel.: 603-8000 8000

Faks.: 603-8888 3755

---

Hakcipta Penerbit ©

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri**.

## I. PENGENALAN

1.1. Sejak pertengahan 1990-an, tumpuan telah diberikan kepada peningkatan inovasi dan produktiviti untuk mentransformasikan Malaysia daripada ekonomi berasaskan input kepada ekonomi berasaskan pengetahuan. Selaras dengan tujuan ini, pelbagai inisiatif telah diperkenalkan untuk melonjakkan produktiviti negara. Namun tahap produktiviti masih rendah dan ekonomi terus bergantung kepada faktor input tradisional iaitu buruh dan modal. Walaupun input tradisional masih diperlukan dalam pengeluaran, peningkatan sumbangan produktiviti pelbagai faktor yang lebih tinggi akan memastikan pertumbuhan yang lebih mampan dalam jangka panjang. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), 2016-2020, produktiviti akan menjadi satu daripada pemacu perubahan. Usaha yang lebih bersepadu akan dilaksanakan untuk melonjakkan produktiviti pada peringkat nasional, industri dan perusahaan melalui langkah yang bersasar dengan outcome yang jelas.

## II. RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH, 2011-2015: KEMAJUAN

1.2. Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) mendefinisikan produktiviti sebagai nisbah jumlah output kepada jumlah input. Produktiviti mengukur tahap kecekapan penggunaan input pengeluaran seperti modal dan buruh dalam ekonomi bagi menghasilkan output yang diperlukan. Produktiviti pelbagai faktor<sup>1</sup> (MFP) pula mengukur bahagian daripada pertumbuhan ekonomi yang tidak boleh dijelaskan oleh peningkatan dalam penggunaan modal dan buruh. MFP sering ditafsirkan sebagai sumbangan faktor lain seperti teknologi, inovasi dan kualiti buruh kepada pertumbuhan ekonomi.

1.3. Sejak pertengahan 1990-an, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk melonjakkan produktiviti, seperti yang ditunjukkan dalam *Lampiran 1-1*. Dalam tempoh tersebut, tahap produktiviti telah menunjukkan peningkatan. Namun, peningkatan ini masih rendah berbanding negara lain.


1.4. Terdapat hubung kait antara tahap pembangunan sesebuah negara dengan tahap produktiviti, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 1-1*. Malaysia telah mencapai tahap pembangunan yang didorong oleh kecekapan (*efficiency-driven stage*) pada tahun 1992 dan seterusnya mencapai tahap peralihan kepada pembangunan yang didorong oleh inovasi (*transition-to-the-innovation-driven stage*) mulai tahun 2011. Sebagai perbandingan, Korea Selatan mengambil masa tujuh tahun (1987-1994) untuk beralih daripada tahap

---

<sup>1</sup> Produktiviti pelbagai faktor (MFP) adalah sinonim dengan produktiviti faktor keseluruhan (TFP).

pembangunan yang didorong oleh kecekapan, kepada tahap peralihan kepada pembangunan yang didorong oleh inovasi, dengan kadar pertumbuhan produktiviti sebanyak 5.3% setahun. Peralihan tahap pembangunan Malaysia pula mengambil masa 19 tahun dengan kadar pertumbuhan produktiviti yang lebih rendah iaitu 2.7% setahun. Pada tahun 2013, tahap produktiviti buruh Malaysia adalah sebanyak 32% daripada tahap produktiviti buruh Amerika Syarikat dan 56% daripada tahap produktiviti Korea Selatan, seperti yang ditunjukkan dalam *Lampiran 1-2*.

*Paparan 1-1*  
**Tahap Pembangunan bagi Negara Terpilih**



Nota: Purata pertumbuhan produktiviti setahun dalam kurungan  
 Sumber: *World Bank Online* dan *The Conference Board*


1.5. Sejak pertengahan 1990-an, lebih kurang 70% daripada pertumbuhan ekonomi negara disumbangkan oleh buruh dan modal manakala selebihnya disumbangkan oleh MFP, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 1-2*. Sumbangan MFP adalah lebih rendah berbanding kebanyakan negara maju, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 1-3*. Walaupun penggunaan input buruh dan modal masih penting dalam pengeluaran, sumbangan MFP yang lebih tinggi dapat memastikan pertumbuhan yang lebih mampan dan agihan kekayaan yang lebih saksama dalam kalangan ejen ekonomi dalam jangka panjang. Oleh itu, peningkatan MFP adalah penting untuk mencapai sasaran pertumbuhan ekonomi yang ditetapkan.

Paparan 1-2

Malaysia: Faktor Pengeluaran, 1996-2015

Pertumbuhan benar, % setahun

Nisbah pertumbuhan di dalam kurungan (%)




Nota: Berdasarkan KDNK pada harga 2010

Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Paparan 1-3

Sumbangan MFP kepada Pertumbuhan KDNK, 1996-2012

Bahagian kepada pertumbuhan KDNK benar, %



Sumber: Unit Perancang Ekonomi; Jabatan Perangkaan Malaysia; dan Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD)

1.6. Sumbangan buruh dan modal kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar dijangka meningkat daripada 65.3% dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) kepada 70.2% dalam tempoh RMKe-10. Sumbangan MFP pula dijangka berkurang kepada 29.8%. Pada peringkat sektor ekonomi, MFP dijangka menjadi peneraju utama pertumbuhan sektor pembinaan dan perkhidmatan iaitu menyumbang sebanyak 74.2% dan 39.2% masing-masing, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 1-4*.

*Paparan 1-4*  
MFP mengikut Sektor Utama Ekonomi, 2011-2020

	Pertanian			Pembuatan			Pembinaan			Perkhidmatan		
	2006 - 2010	2011 - 2015	2016 - 2020	2006 - 2010	2011 - 2015	2016 - 2020	2006 - 2010	2011 - 2015	2016 - 2020	2006 - 2010	2011 - 2015	2016 - 2020
<b>Pertumbuhan, % setahun</b>												
MFP	1.7	0.7	1.7	1.2	0.5	0.8	4.6	8.2	8.1	4.1	2.5	2.8
Modal	1.2	1.6	1.8	0.7	2.9	3.4	1.4	1.9	1.8	2.2	2.3	2.9
Buruh	-0.10	0.1	-0.04	0.7	1.4	0.9	0.1	1.0	0.5	1.1	1.6	1.2
KDNK	2.8	2.4	3.5	2.7	4.8	5.1	6.2	11.1	10.3	7.4	6.3	6.9
<b>Nisbah kepada Pertumbuhan KDNK Benar, %</b>												
MFP	60.0	28.5	48.6	45.4	10.7	15.6	75.1	74.2	78.2	54.8	39.2	40.8
Modal	43.6	67.5	52.7	27.3	60.4	66.5	22.8	16.7	17.0	29.8	36.2	41.8
Buruh	-3.5	4.1	-1.3	27.3	28.9	17.9	2.2	9.1	4.7	15.4	24.6	17.4
<b>KDNK</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

Nota: Berdasarkan KDNK pada harga 2010

Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia

1.7. Dalam tempoh RMKe-10, produktiviti buruh dijangka berkembang pada kadar 2.3% setahun, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 1-5*. Sektor pembinaan dan perkhidmatan dijangka mencatat kadar pertumbuhan produktiviti buruh melebihi kadar pertumbuhan purata nasional manakala sektor pembuatan dijangka mencatat pertumbuhan yang sederhana.

*Paparan 1-5*  
Produktiviti Buruh mengikut Sektor Utama Ekonomi, 2010-2020

Sektor	RM '000, pada Harga Malar 2010							Pertumbuhan, % setahun	
	Sebenar					Anggaran	Unjuran	Anggaran RMKe-10	Sasaran RMKe-11
	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2020	2011-2015	2016-2020
Pertanian	51.7	55.3	55.8	56.4	57.5	57.7	68.8	2.2	3.6
Perlombongan dan Kuari	1,089	1,064	1,076	1,083	1,114	1,147	1,210	1.1	1.1
Pembuatan	94.4	94.4	94.4	94.8	95.5	98.8	112.1	0.9	2.6
Pembinaan	24.7	25.8	30.0	32.2	35.7	39.1	61.9	9.6	9.6
Perkhidmatan	59.3	60.8	62.4	63.8	66.4	68.1	83.4	2.8	4.1
<b>Jumlah</b>	<b>68.7</b>	<b>69.9</b>	<b>71.4</b>	<b>72.5</b>	<b>75.0</b>	<b>77.1</b>	<b>92.3</b>	<b>2.3</b>	<b>3.7</b>

Nota: Berdasarkan KDNK pada harga 2010

Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia

### III. ISU DAN CABARAN

1.8. Cabaran utama dalam meningkatkan produktiviti adalah berkaitan dengan pasaran buruh, kedinamikan pasaran, beban kawal selia dan ekosistem inovasi.

#### Pasaran Buruh

1.9. Kekurangan pewujudan pekerjaan yang berkualiti, peraturan buruh yang tegar, ketidakpadanan bakat dan kebergantungan kepada pekerja asing berkemahiran rendah terutamanya dalam kategori bergaji rendah juga telah memberi kesan negatif kepada kecekapan pasaran buruh dan produktiviti. Struktur guna tenaga yang mempunyai peratusan yang tinggi bagi pekerja berkemahiran rendah juga merupakan antara penyumbang kepada produktiviti buruh yang rendah. Pekerja mahir<sup>2</sup> merupakan faktor penting untuk memacu produktiviti. Pada tahun 2013, jumlah pekerja mahir adalah 24.7% daripada jumlah guna tenaga berbanding 27.6% pada tahun 2010.

1.10. Keadaan pasaran buruh yang tegar seperti peraturan menggaji dan memecat pekerja yang kurang fleksibel telah menjejaskan kecekapan pasaran buruh. Sebagai contoh, tempoh notis bagi pemberhentian pekerja berikutan lebihan pekerja di Malaysia adalah 6.7 minggu berbanding 3 minggu di Singapura. Jumlah pampasan kepada pekerja yang diberhentikan di Malaysia pula adalah bersamaan dengan jumlah upah bagi 17.2 minggu bekerja. Manakala tiada bayaran pampasan diberikan kepada pekerja yang diberhentikan di Singapura.

1.11. Kekurangan interaksi antara majikan dengan institusi pengajian tinggi telah menyumbang kepada isu ketidakpadanan graduan dengan keperluan industri. Kajian<sup>3</sup> menunjukkan 80% daripada syarikat berpandangan bahawa universiti perlu mengkaji dan menambah baik kurikulum program pengajian supaya lebih selaras dengan keperluan sebenar pasaran buruh. Ketidakpadanan antara graduan dengan keperluan industri telah menjejaskan potensi sumbangan modal insan terhadap peningkatan produktiviti.

1.12. Akses yang mudah dan kos yang rendah bagi pengambilan pekerja asing<sup>4</sup> telah menyebabkan peningkatan jumlah pekerja asing berkemahiran rendah. Peratusan jumlah pekerja asing kepada jumlah guna tenaga meningkat daripada 9.9% pada tahun 2005 kepada 13.4% pada tahun 2013, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 1-6*. Faktor ini telah mengurangkan minat syarikat untuk melaksanakan inovasi dan menggunakan


---

<sup>2</sup> Merujuk kepada pekerja dalam kumpulan pekerjaan pengurus, profesional, serta juruteknik dan profesional bersekutu.

<sup>3</sup> *World Bank Malaysia Economic Monitor*, Jun 2014.

<sup>4</sup> Kadar levi bagi pekerja asing berkemahiran rendah di Malaysia meningkat antara 0.4% hingga 0.6% setahun bagi tempoh 2007 hingga 2014 berbanding peningkatan kadar levi yang lebih ketara di Singapura iaitu daripada 11.7% hingga 13.3% setahun bagi tempoh 2005 hingga 2014.

automasi dalam proses kerja dan seterusnya memberikan kesan kepada tahap produktiviti syarikat. Hubung kait ini dapat dibuktikan melalui hubungan yang signifikan antara trend pertumbuhan produktiviti buruh dengan trend penggunaan modal bagi sektor pertanian, pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan bagi tempoh 1991-2000 dan 2001-2013, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 1-7*.






## Kedinamikan Pasaran

1.13. Kerajaan telah menyediakan subsidi dan insentif yang bersesuaian bagi memenuhi keperluan strategik dan sosioekonomi tertentu. Walau bagaimanapun, outcome daripada subsidi ini tidak berkait dengan peningkatan produktiviti. Keadaan ini boleh menyebabkan ketidakcekapan dalam pengagihan sumber. Dalam tempoh 2010 hingga 2014, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM154.6 bilion<sup>5</sup> untuk insentif dan subsidi yang tidak berkait dengan prestasi. Jumlah ini merupakan 81% daripada jumlah pemberian subsidi dan insentif, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 1-8*.

*Paparan 1-8*  
**Subsidi Tidak Bersasar, Insentif dan Bantuan, 2010-2014**



Nota: \* Jumlah subsidi, insentif, & bantuan

Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Kementerian Kewangan

## Beban Kawal Selia

1.14. Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah bagi mengurangkan ketidakcekapan kawal selia melalui Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Usaha ini dilaksanakan dengan memansuhkan undang-undang dan peraturan yang tidak diperlukan serta mempermudah proses pentadbiran. Langkah ini telah menyumbang kepada kedudukan Malaysia dalam *World Bank's Doing Business* bertambah baik daripada ke-20 pada tahun 2014 kepada ke-18 pada


<sup>5</sup> Subsidi minyak tidak bersasar merupakan 59.3% daripada jumlah bantuan Kerajaan. Pada Disember 2014, Malaysia telah memperkenalkan sistem pengapungan terawal untuk harga petrol dan disel bertujuan meningkatkan kecekapan pasaran.

tahun 2015. Walau bagaimanapun, masih terdapat banyak aspek yang perlu dikaji semula dan diselaraskan terutama prosedur dan peraturan perniagaan. Beban kawal selia boleh meningkatkan kos pematuhan dan kos menjalankan perniagaan serta mengurangkan kecekapan dan produktiviti.

## Ekosistem Inovasi

1.15. Inovasi adalah kritikal untuk meningkatkan produktiviti. Namun, tahap inovasi di Malaysia masih rendah berikutan ekosistem inovasi yang kurang kondusif, tahap ketersediaan teknologi yang rendah, akses yang mudah bagi bekalan input perantara yang diimport pada kos yang lebih rendah dan pengambilan pekerja asing. Faktor penghalang lain adalah kekurangan pekerja berkelayakan, pemahaman yang rendah terhadap faedah inovasi serta kurang kepimpinan dan dorongan pada peringkat perusahaan. Keadaan ini dibuktikan melalui penemuan kaji selidik peringkat perusahaan yang dilaksanakan oleh MPC kepada 200 responden daripada industri pada tahun 2014. Penemuan kajian menunjukkan 70% daripada responden berpandangan bahawa ekosistem yang tidak kondusif merupakan faktor penyumbang utama kepada aktiviti inovasi yang rendah pada peringkat perusahaan, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 1-9*.

*Paparan 1-9*  
**Persepsi Perusahaan Terhadap Cabaran Inovasi, 2014**



Sumber: Perbadanan Produktiviti Malaysia

## IV. RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS, 2016-2020: HALA TUJU

### Sasaran Produktiviti

1.16. Dalam tempoh Rancangan, pertumbuhan ekonomi perlu disokong oleh sumber pertumbuhan yang lebih mampan terutamanya melalui peningkatan produktiviti. Bagi membolehkan peningkatan produktiviti dengan ketara, inisiatif yang lebih bersasar akan


diperkenalkan pada peringkat nasional, industri dan perusahaan. Sasaran produktiviti akan ditetapkan secara lebih spesifik dan pencapaian outcome akan dipantau dengan rapi.

### Sasaran Sektor

1.17. Pertumbuhan KDNK benar yang disasarkan dalam RMKe-11 perlu disokong oleh pertumbuhan produktiviti buruh yang lebih tinggi iaitu pada kadar 3.7% setahun atau RM92,300 pada tahun 2020, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 1-5*. Peningkatan produktiviti buruh akan dipacu oleh sektor pembinaan yang berkembang pada kadar 9.6%, diikuti sektor perkhidmatan 4.1%, sektor pertanian 3.6% dan sektor pembuatan 2.6%.

### Produktiviti Pelbagai Faktor

1.18. Sumbangan MFP kepada KDNK disasarkan meningkat kepada sekurang-kurangnya 40% menjelang tahun 2020. Manakala sumbangan modal dan buruh akan berkurangan kepada 44% dan 16% masing-masing, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 1-10*. Sektor pembinaan dijangka menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan MFP iaitu pada kadar purata 8.1% setahun, diikuti sektor perkhidmatan 2.8%, sektor pertanian 1.7% dan sektor pembuatan 0.8%, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 1-4*.




Nota: Berdasarkan KDNK pada harga 2010

Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia

## Strategi Meningkatkan Produktiviti

1.19. Strategi yang komprehensif dan bersepadu akan diperkenalkan pada peringkat nasional, industri dan perusahaan untuk mencapai sasaran produktiviti, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 1-11*.



1.20. Pada peringkat nasional, sembilan strategi akan dilaksanakan seperti berikut:

### ***Merangka Pelan Pembangunan Produktiviti Malaysia Lima Tahun***

1.21. Pelan pembangunan produktiviti lima tahun yang memberikan keutamaan kepada pengukuhan produktiviti dalam agenda pembangunan negara akan diperkenalkan. Strategi komprehensif dan pelan tindakan terperinci dengan sasaran dan jangka masa pelaksanaan yang lebih khusus akan digariskan. Melalui Pelan ini, mekanisme institusi untuk memacu dan memantau pelaksanaan strategi dan inisiatif produktiviti akan diperkukuh. Pelan pembangunan ini akan dirangka dengan kerjasama pihak industri.

## ***Memperkukuh Tadbir Urus dan Mekanisme Institusi Bagi Pelaksanaan Strategi Produktiviti***

1.22. Majlis Produktiviti Negara (MPN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri akan ditubuhkan sebagai peneraju agenda produktiviti pada peringkat tertinggi. MPN akan mengkaji semula dan merangka dasar serta memperkukuh kerjasama dan penyelarasan dalam kalangan kementerian dan agensi bagi memastikan keselarasan dasar. Keupayaan dan bidang kuasa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) juga akan diperkasa untuk meneraju dan menyelaraskan pelaksanaan agenda produktiviti.

## ***Memperkenalkan Peningkatan Produktiviti Sebagai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dalam Semua Inisiatif Pembangunan***

1.23. Dalam tempoh RMKe-11, produktiviti merupakan satu daripada outcome yang perlu diambil kira semasa penilaian cadangan bagi tujuan pengagihan peruntukan pembangunan. Langkah ini dapat membantu mengurus perdana agenda produktiviti dalam semua projek pembangunan serta memastikan projek dilaksanakan dengan kaedah yang paling cekap dan kos efektif.

## ***Mempercepat Pembaharuan Peraturan***

1.24. Pembaharuan peraturan akan dipercepat bagi memastikan peraturan baharu dan sedia ada serta pentadbiran dan penguatkuasaan peraturan adalah selaras dengan amalan peraturan terbaik. Langkah ini akan dilaksanakan dengan memperluas penggunaan Dasar Kebangsaan mengenai Pembangunan dan Pelaksanaan Peraturan (NPDIR) dan melaksanakan semakan semula peraturan kementerian dan agensi secara berkala. Selain itu, penilaian “*cost-in, cost-out*” akan dilaksanakan ke atas semua peraturan perniagaan baharu untuk mengurangkan beban peraturan. Menerusi pendekatan ini, kos langsung yang perlu ditanggung oleh sektor swasta bagi setiap peraturan baharu akan ditetapkan dengan jelas. Pelaksanaan peraturan baharu juga perlu disusuli dengan pemansuhan peraturan yang lapuk atau tidak diperlukan bagi memastikan jumlah kos peraturan keseluruhan kepada peniaga tidak meningkat.

## ***Memperkukuh Modal Insan***

1.25. Kualiti modal insan akan diperkukuh dengan meningkatkan kecekapan pasaran buruh melalui penyelarasan yang lebih baik antara permintaan dengan penawaran buruh. Tumpuan juga akan diberikan kepada latihan semula dan peningkatan kemahiran pekerja tempatan melalui pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET), menarik bakat asing dan mengambil manfaat daripada diaspora negara. Bagi memastikan sistem upah

selaras dengan produktiviti, Indeks Upah Kebangsaan akan diperkenalkan dan penggunaan Sistem Upah Berkaitan Produktiviti (PLWS) akan diperluas. Kadar penyertaan wanita dalam pasaran buruh juga akan dipertingkatkan melalui pengenalan waktu kerja yang lebih fleksibel. Bagi mengurangkan kebergantungan tinggi terhadap pekerja asing berkemahiran rendah, industri akan diberikan insentif untuk meningkatkan penggunaan automasi dan mesin dalam pengeluaran. Pengambilan pekerja asing pula akan diselaraskan melalui platform pentadbiran berpusat<sup>6</sup>.

### ***Meningkatkan Produktiviti Sektor Awam***

1.26. Produktiviti sektor perkhidmatan awam akan ditambah baik, antaranya melalui rasionalisasi institusi Kerajaan dan penggunaan sistem ganjaran berasaskan prestasi. Semakan semula terhadap fungsi dan peranan institusi Kerajaan akan dilaksanakan secara berkala bagi mengurangkan pertindihan dalam kalangan agensi. Agensi yang mempunyai pertindihan fungsi akan diselaraskan semula. Penubuhan agensi baharu pula akan dipertimbangkan setelah kajian terperinci dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan. Bagi mempertingkatkan produktiviti dan kecekapan sektor awam, sistem ganjaran berasaskan prestasi akan diperkenalkan. Petunjuk prestasi utama (KPI) setiap kementerian dan agensi juga akan diselaraskan supaya turut mengambil kira aspek peningkatan produktiviti<sup>7</sup>.

### ***Menggabungkan dan Merasionalisasi Insentif Kerajaan***

1.27. Subsidi, insentif dan bantuan Kerajaan yang tidak bersasar akan dihapuskan. Kerajaan akan menstruktur semula pemberian insentif supaya selaras dengan keperluan khusus industri untuk memaksimumkan pulangan insentif. Penyediaan insentif dan bantuan akan disokong oleh KPI dan outcome yang lebih spesifik termasuk aspek peningkatan produktiviti. Bagi mengelakkan kebergantungan berterusan kepada bantuan Kerajaan, dasar pemisah (*exit policy*) dalam pemberian insentif akan diperkenalkan. Inisiatif bagi memastikan jaringan keselamatan seperti pemberian bantuan kewangan secara *one-off*, geran dan insentif cukai akan dipertimbangkan untuk mengurangkan kesan negatif jangka pendek kepada perusahaan yang mungkin berlaku semasa proses penambahbaikan produktiviti.

---

<sup>6</sup> Penjelasan terperinci adalah seperti dalam Kertas Strategi 8 mengenai pasaran buruh dan Kertas Strategi 9 mengenai TVET.

<sup>7</sup> Penjelasan terperinci adalah seperti dalam Bab 9 mengenai tadbir urus dalam dokumen utama RMKe-11.

## ***Menggalakkan Inovasi***

1.28. Inovasi akan diperkukuh dengan memberikan tumpuan kepada hubungan modal iaitu meningkatkan kerjasama dan penyelarasan dalam kalangan pihak berkepentingan yang terlibat dalam penyelidikan dan pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) iaitu universiti, institusi penyelidikan, industri dan Kerajaan. Bagi mengukuhkan hubungan antara institusi penyelidikan dengan industri serta meningkatkan pulangan pelaburan ke atas R&D&C&I, platform sedia ada seperti AIM-Steinbeis, SIRIM-Fraunhofer, rangkaian penyelidikan awam-swasta (PPRN) dan PlaTCOM akan diperluas<sup>8</sup>. Mekanisme pemberian dana untuk R&D&C&I juga akan diselaraskan. Selain itu, inovasi sosial akan turut digalakkan.

## ***Menubuhkan Portal Produktiviti Nasional***

1.29. Portal Produktiviti Nasional (NPP) akan ditubuhkan untuk menyebarkan maklumat berkaitan produktiviti termasuk mempamerkan kejayaan inovasi oleh industri serta inisiatif dan program berkaitan produktiviti. Portal tersebut juga menyediakan maklumat yang mencukupi bagi membolehkan syarikat melaksanakan penilaian sendiri terhadap tahap produktiviti mereka berbanding syarikat lain dalam industri yang sama.

1.30. Pada peringkat industri, dua strategi yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

## ***Melantik Juara Produktiviti***

1.31. Juara produktiviti akan dikenal pasti untuk menerajui inisiatif produktiviti pada peringkat industri. Persatuan industri atau peneraju pasaran dalam industri tertentu akan dilantik sebagai juara produktiviti serta membantu dalam penyediaan pelan pembangunan produktiviti lima tahun. Selain itu, juara produktiviti juga bertanggungjawab untuk merangka pelan hala tuju produktiviti spesifik bagi industri termasuk menetapkan sasaran produktiviti bagi industri masing-masing dan inisiatif terperinci untuk mencapai sasaran tersebut. Pencapaian sasaran produktiviti akan dijadikan kriteria utama bagi syarikat memohon bantuan dan insentif Kerajaan.

## ***Menyesuaikan Program Produktiviti Pada Peringkat Industri***

1.32. Selain inisiatif produktiviti secara menyeluruh, program produktiviti yang bersesuaian mengikut keperluan industri akan diperkenalkan untuk menangani isu dan cabaran yang dihadapi oleh industri serta memanfaatkan kelebihan setiap industri ke arah meningkatkan produktiviti. Langkah ini bagi memastikan semua program mempunyai

---

<sup>8</sup> Penjelasan terperinci adalah seperti dalam Kertas Strategi 21 mengenai inovasi.

sasaran spesifik dan dapat mencapai outcome produktiviti yang ditetapkan. Keutamaan akan diberikan kepada industri yang mempunyai impak tinggi kepada produktiviti dan pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan.

1.33. Pada peringkat perusahaan, lima strategi yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

### ***Menggalakkan Pencapaian Sasaran Produktiviti***

1.34. Penyediaan insentif dan bantuan kepada syarikat akan bergantung kepada pencapaian sasaran produktiviti spesifik yang telah ditetapkan pada peringkat syarikat.

### ***Memperkenalkan Program Intervensi Pada Peringkat Perusahaan***

1.35. Program intervensi akan diperkenalkan untuk membantu syarikat meningkatkan kecekapan dan produktiviti termasuk melalui penambahbaikan dalam proses kerja dan penggunaan aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Bagi mencapai tujuan tersebut, antara lain, program Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) akan diperluas supaya turut meliputi inisiatif untuk meningkatkan produktiviti. Bidang yang akan diliputi termasuk model perniagaan, perakaunan dan penyimpanan rekod, sistem ICT serta sistem operasi perniagaan.

### ***Menggalakkan dan Memperluas Pemeriksaan Tahap Produktiviti***

1.36. Program pemeriksaan tahap produktiviti akan diperluas untuk mengenal pasti isu khusus serta menilai kapasiti dan keupayaan operasi semasa perusahaan. Keputusan penilaian akan digunakan dalam merangka program yang bersesuaian dengan keperluan perusahaan. Pemeriksaan tahap produktiviti juga akan dijadikan kriteria wajib bagi permohonan insentif dan bantuan Kerajaan.

### ***Melaksanakan Kaji Selidik Produktiviti Peringkat Perusahaan Setiap Dua Tahun***

1.37. Kaji selidik produktiviti akan dilaksanakan setiap dua tahun untuk menilai dan memantau pencapaian tahap produktiviti pada peringkat perusahaan. Penemuan kaji selidik akan dijadikan asas untuk mengenal pasti jurang pencapaian dan mengkaji semula strategi yang dilaksanakan bagi meningkatkan produktiviti secara berterusan ke arah mencapai sasaran yang ditetapkan.



### ***Menerapkan Budaya Berasaskan Produktiviti***

1.38. Pendekatan yang bersesuaian akan diperkenalkan untuk menerapkan budaya produktiviti dalam kalangan masyarakat dan ahli korporat. Kesedaran mengenai kepentingan dan faedah produktiviti juga akan terus dipertingkatkan.

## **V. KESIMPULAN**

1.39. Strategi meningkatkan potensi produktiviti merupakan satu daripada pemacu perubahan dalam RMKe-11. Walaupun rancangan lima tahun terdahulu telah menggariskan langkah penambahbaikan produktiviti, namun tahap produktiviti negara masih belum mencapai tahap yang setanding dengan kebanyakan ekonomi maju. Sehubungan itu, RMKe-11 akan menggariskan pendekatan baharu untuk meningkatkan produktiviti melalui pendekatan bersasar pada peringkat nasional, industri dan perusahaan yang disokong dengan sasaran dan outcome yang lebih jelas.

## LAMPIRAN

### 1-1. Inisiatif Berkaitan Produktiviti dalam Rancangan Pembangunan, 1991-2015

Fokus	Institusi/Dasar	Latihan/Bantuan Teknikal/R&D	Bantuan Kewangan/Insentif	Ekosistem / Peraturan
<p><b>Rancangan Malaysia Keenam, 1991-1995</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kecekapan, produktiviti dan kualiti tenaga kerja dan modal</li> <li>• Peningkatan teknologi</li> <li>• Keusahawanan</li> <li>• Meningkatkan produktiviti faktor</li> <li>• Pembangunan sumber manusia</li> <li>• Meningkatkan aplikasi Sains &amp; Teknologi dan Penyelidikan &amp; Pembangunan (R&amp;D)</li> <li>• Penambahbaikan infrastruktur</li> <li>• Pembangunan institusi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Akademi Sains Malaysia (ASM), 1995</li> <li>• Pelan Multimedia Kebangsaan, 1995</li> <li>• Pembangunan Teknologi Perindustrian: Pelan Tindakan Kebangsaan, 1990-2001</li> <li>• Penstrukturan semula Majlis Penyelidikan Dan Kemajuan Sains Negara (MPKSN) untuk menyelia Penumpuan Penyelidikan dalam Bidang Keutamaan (IRPA)</li> <li>• Penubuhan: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Pusat Sains dan Teknologi Maklumat Malaysia (MASTIC), 1992</li> <li>○ Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC), 1992</li> </ul> </li> </ul>		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dana Bantuan Industri Teknikal (ITAF) pada tahun 1990 untuk membantu PKS dalam peningkatan produktiviti dan kualiti</li> </ul>	

Fokus	Institusi/Dasar	Latihan/Bantuan Teknikal/R&D	Bantuan Kewangan/Insentif	Ekosistem / Peraturan
<p><b>Rancangan Malaysia Ketujuh, 1996-2000</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengalihkan fokus daripada strategi didorong pelaburan kepada strategi didorong produktiviti</li> <li>• Meningkatkan kadar inovasi</li> <li>• Pembangunan kemahiran serta kecekapan pengurusan</li> <li>• Sektor swasta sebagai enjin utama pertumbuhan</li> <li>• Menekankan dasar penambah produktiviti bagi keseluruhan spektrum aktiviti ekonomi</li> <li>• Penyerapan teknologi</li> <li>• Peningkatan pengetahuan teknologi &amp; pengurusan</li> <li>• Menekankan kepada pelaburan yang berkualiti</li> <li>• Penggunaan sumber yang cekap dan berkesan</li> <li>• Meningkatkan kualiti dan kemahiran sumber manusia</li> <li>• Mengukuhkan keupayaan S&amp;T dan R&amp;D</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Majlis Perdagangan Pengerahan, Dasar Pertanian Negara Ketiga (NAP3) dan Pelan Induk Perindustrian Kedua (IMP2)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendidik perusahaan dengan teknik-teknik terkini meningkatkan produktiviti dan kualiti (NPC &amp; SIRIM)</li> <li>• Menekankan pada latihan industri bagi tenaga kerja mahir</li> <li>• INTAN melaksanakan program latihan peningkatan produktiviti, kecekapan dan motivasi bagi pekerja sektor awam</li> <li>• Menggalakkan petani menceburi bidang pertanian komersial, menerima pakai teknologi baru dan meningkatkan produktiviti</li> <li>• Menggalakkan penggunaan <i>Low Intensity Tapping System</i> (LITS)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Skim Pinjaman Mudah bagi penanaman semula kelapa sawit</li> <li>• Skim Geran Penyelidikan Perindustrian dan Pembangunan (IGS) untuk menggalakkan R&amp;D dan pembangunan teknologi</li> <li>• Dana Pengkomersilan dan Pembangunan Penyelidikan (CRDF) dan Dana Perolehan Teknologi (TAF) untuk mempercepat dan meningkatkan pembangunan keupayaan teknologi tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Cyberjaya, 1997</li> <li>• Penyediaan rangka kerja pengawalselaian yang komprehensif bagi undang-undang siber, undang-undang harta intelek dan infrastruktur yang diperlukan</li> <li>• Penubuhan: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ <i>Multimedia Super Corridor</i> (MSC), 1996 untuk menyediakan persekitaran pekerjaan dan kehidupan yang dilengkapi dengan kemudahan ICT yang komprehensif dan bertaraf dunia</li> <li>○ Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC), 1996</li> <li>○ Taman Teknologi Tinggi Kulim, 1996</li> <li>○ Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd, 1996</li> <li>○ Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) untuk</li> </ul> </li> </ul>

Fokus	Institusi/Dasar	Latihan/Bantuan Teknikal/R&D	Bantuan Kewangan/Insentif	Ekosistem / Peraturan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peralihan daripada strategi berasaskan input kepada strategi didorong produktiviti</li> <li>• Meningkatkan produktiviti, kualiti dan daya saing barangan</li> <li>• Memastikan kenaikan upah selaras dengan pertumbuhan produktiviti</li> <li>• Meningkatkan pelaburan dalam R&amp;D</li> <li>• Memperluas pendidikan dan latihan</li> <li>• Memupuk dan menggalakkan pembangunan teknologi</li> <li>• Menambah baik infrastruktur fizikal dan sosial</li> <li>• Menaik taraf tenaga kerja</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dasar Bioteknologi Negara, 2005</li> <li>• NSTP 2 dan Pelan Tindakan, 2002-2010</li> <li>• Mengukuhkan Sistem Inovasi Kebangsaan (NIS) untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing</li> <li>• Pelaksanaan Strategi Standard Kebangsaan dan Pelan Tindakan untuk meningkatkan lagi produktiviti dan daya saing</li> <li>• Pengenalan KPI</li> <li>• Penubuhan: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Majlis Inovasi Negara (NIC), 2004</li> <li>○ Perbadanan Harta Intelektual Malaysia (MyIPO), 2003</li> <li>○ Aplikasi Kreatif MSC dan Pusat Pembangunan (CADC)</li> <li>○ Perbadanan Bioteknologi Malaysia Agensi peneraju dalam industri bioteknologi</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Program Kemahiran Siswazah dan Program Internship MSC</li> <li>• Amalan Pertanian yang Baik</li> <li>• Program Keusahawanan yang merangkumi khidmat nasihat dan bantuan bagi PKS</li> <li>• Pengenalan Kurikulum Kebangsaan Pra-sekolah bagi kanak-kanak</li> <li>• Program Pembangunan Pendidikan Luar Bandar Sabah dan Sarawak</li> <li>• Sistem Latihan Dual Nasional (NDTS) bagi mengukuhkan sistem penyampaian latihan selaras dengan keperluan industri</li> <li>• Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) dibangunkan bagi menjamin keseragaman kelayakan dan kualiti penyampaian pendidikan tinggi</li> <li>• Peningkatan Standard Kemahiran Pekerjaan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Projek Satu Rumah Satu Komputer, 2003</li> <li>• Peruntukan sumber yang lebih banyak untuk R&amp;D</li> <li>• Pengenalan Skim Organik Malaysia</li> <li>• Projek R&amp;D berkaitan ICT telah diluluskan di bawah Program Penumpuan Penyelidikan dalam Bidang Keutamaan (IRPA)</li> <li>• Meningkatkan R&amp;D sektor swasta melalui Skim Geran Penyelidikan dan Pembangunan Industri (IGS), Penyelidikan MSC dan Skim Geran Pembangunan (MGS) dan <i>Demonstrator Applicants Grant Scheme (DAGS)</i></li> <li>• Skim Khas Ibu Tunggal</li> <li>• Program Pembangunan Usahawan Belia ICT</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempromosi e-dagang kepada perniagaan bagi meningkatkan produktiviti</li> <li>• Program perkhidmatan perbankan Internet dan e-Perniagaan MSC</li> <li>• Meningkatkan akses kepada semua perkhidmatan perniagaan dan pengangkutan</li> <li>• Rangka Kerja Keselamatan Maklumat Kebangsaan</li> <li>• Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer Malaysia (MyCERT)</li> </ul>
<p><b>Rancangan Malaysia Kelapan, 2001-2005</b></p>				

Fokus	Institusi/Dasar	Latihan/Bantuan Teknikal/R&D	Bantuan Kewangan/Insentif	Ekosistem / Peraturan
<ul style="list-style-type: none"> <li>Meningkatkan keupayaan produktiviti, kecekapan dan inovatif</li> <li>Meningkatkan daya saing dan memberi tumpuan kepada produktiviti dan peralihan kepada aktiviti yang mempunyai nilai ditambah lebih tinggi dan berasaskan pengetahuan</li> <li>Meningkatkan kecekapan modal, produktiviti buruh dan sumbangan TFP</li> <li>Mengurangkan beban kewangan serta menggalakkan produktiviti dan daya saing dalam sektor awam</li> <li>Membangunkan dan meningkatkan kreativiti, kemahiran dan keupayaan pengurusan</li> <li>Meningkatkan tahap pencapaian pendidikan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Majlis Eksport Perkhidmatan Professional Negara (NAPSEC)</li> </ul>	<p>Kebangsaan (NOSS) bagi pengajar</p>		
<b>Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006-2010</b>				
<ul style="list-style-type: none"> <li>Meningkatkan keupayaan produktiviti, kecekapan dan inovatif</li> <li>Meningkatkan daya saing dan memberi tumpuan kepada produktiviti dan peralihan kepada aktiviti yang mempunyai nilai ditambah lebih tinggi dan berasaskan pengetahuan</li> <li>Meningkatkan kecekapan modal, produktiviti buruh dan sumbangan TFP</li> <li>Mengurangkan beban kewangan serta menggalakkan produktiviti dan daya saing dalam sektor awam</li> <li>Membangunkan dan meningkatkan kreativiti, kemahiran dan keupayaan pengurusan</li> <li>Meningkatkan tahap pencapaian pendidikan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Model Baru Ekonomi (NEM), 2010</li> <li>Dasar Teknologi Hijau, 2009</li> <li>Dasar Industri Kreatif Negara, 2009</li> <li>Model Inovasi Negara, 2007</li> <li>Inisiatif Jalur Lebar Negara (NBI), 2007</li> <li>Polisi keselamatan siber Kebangsaan (NCSP), 2007</li> <li>Menjayakan pertumbuhan diterajui oleh produktiviti dan inovasi</li> <li>Dasar Pengkomersilan Harta Intelek (IP)</li> <li>Penubuhan: <ul style="list-style-type: none"> <li>Agensi Inovasi Malaysia (AIM), 2010</li> <li>Majlis Sains Penyelidikan Kebangsaan (NSCR), 2010</li> <li>Yayasan Inovasi Malaysia, 2008</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Akses yang lebih besar diberikan kepada pendidikan berkualiti dan latihan di semua peringkat</li> <li>Pengambilan dalam latihan teknikal dan vokasional awam</li> <li>Menerima pakai Penarafan Kompetitif PKS bagi Peningkatan (SCORE)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dana Validasi Pasaran</li> <li>Geran di bawah Kementerian Pelajaran: <ul style="list-style-type: none"> <li>Skim Geran Penyelidikan Asas (FRGS)</li> <li>Skim Geran Penyelidikan Eksploratori (ERGS)</li> <li>Skim Geran Penyelidikan Jangka panjang (LRGS)</li> <li>Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS)</li> </ul> </li> <li>Meningkatkan penyertaan wanita dalam R&amp;D melalui Skim Bantuan Khas untuk Usahawan Wanita</li> <li>Dana Pembangunan dan Pengkomersilan Penyelidikan (CRDF), Dana Pemerolehan Teknologi (TAF) dan Skim Jaminan Modal Kerja (WCGS)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Akta Perlindungan Data Peribadi 2010</li> <li>Akta Pesaingan 2010</li> <li>Akta Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007</li> <li>Akta Perdagangan Elektronik 2006</li> <li>Penubuhan NKRA dan Petunjuk Prestasi Utama Kementerian</li> <li>Infrastruktur jalur lebar</li> <li>Pelaburan dalam bidang pertumbuhan baru (contoh: tenaga boleh diperbaharui, mesin dan peralatan dan peralatan perubatan)</li> <li>Akses kepada infrastruktur elektronik</li> <li>Menaik taraf kelajuan sambungan jalur lebar</li> </ul>

Fokus	Institusi/Dasar	Latihan/Bantuan Teknikal/R&D	Bantuan Kewangan/Insentif	Ekosistem / Peraturan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempertingkatkan aktiviti-aktiviti R&amp;D dan inovasi</li> <li>• Meningkatkan penggunaan teknologi dan ICT</li> <li>• Sektor swasta digalakkan menjadi peranan utama</li> <li>• Pertumbuhan berasaskan pengetahuan dan didorong produktiviti</li> <li>• Memastikan peningkatan upah adalah selaras dengan pertumbuhan produktiviti</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH), 2007</li> <li>○ Majlis Logistik Malaysia (MLC)</li> <li>○ Jawatankuasa Perkhidmatan Logistik Kebangsaan</li> </ul>			
<b>Rancangan Malaysia Kespuluh, 2011-2015</b>				
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggalakkan pertumbuhan diterajui produktiviti</li> <li>• Meningkatkan daya saing domestik dan produktiviti</li> <li>• Mewujudkan persekitaran kondusif yang menggalakkan produktiviti, daya saing dan inovasi</li> <li>• Menggalakkan pertumbuhan didorong produktiviti dan inovasi melalui TalentCorp</li> <li>• Menghapuskan herotan dalam ekonomi</li> <li>• Input yang lebih tinggi daripada modal insan</li> <li>• Penggunaan teknologi baru</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (NPSTI), 2013</li> <li>• Penubuhan: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Pusat Inovasi Global &amp; Kreativiti Malaysia (MaGIC), 2014</li> <li>○ Jawatankuasa Pelaburan Negara, 2012</li> <li>○ Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara, 2011</li> <li>○ Unit inovasi Khas (UNIK), 2011</li> <li>○ TalentCorp, 2011</li> <li>○ Majlis IT Kebangsaan (NITC)</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelan Transformasi Vokasional bagi meningkatkan kualiti pendidikan vokasional dan meningkatkan jumlah tempat yang ditawarkan</li> <li>• Membangunkan satu set komprehensif KPI yang meningkatkan tumpuan kepada input kritikal yang mempengaruhi pencapaian pelajar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tahun Gerakan Sains dan Inovasi Nasional, 2012</li> <li>• Pelancaran Dana Pengkomersialan Inovatif Patuh Syariah, 2012</li> <li>• Program Transformasi Digital atau Digital Malaysia, 2011</li> <li>• Program Inovasi Malaysia 2010 untuk menggalakkan kreativiti dalam kalangan orang awam</li> <li>• 1-InnoCERT</li> <li>• <i>Cradle Fund</i></li> <li>• Dana Sains</li> <li>• Skim Geran Penyelidikan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melancarkan 1BestariNet, rangkaian 4G dan persekitaran pembelajaran maya kepada semua 100,000 sekolah</li> </ul>

Fokus	Institusi/Dasar	Latihan/Bantuan Teknikal/R&D	Bantuan Kewangan/Insentif	Ekosistem / Peraturan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembangunan keusahawanan</li> <li>• Program pembelajaran sepanjang hayat</li> <li>• Sektor swasta akan menjadi pemacu utama pertumbuhan dan inovasi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Majlis Pembangunan Perkhidmatan Malaysia (MSDC)</li> </ul>		Asas (FRGS) <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dana Pra-Pengkomersilan</li> <li>• Dana Pengkomersilan R&amp;D (CRDF)</li> <li>• Dana Pertumbuhan Perniagaan (BGF)</li> <li>• Dana Perolehan Teknologi (TAF)</li> <li>• Modal Teroka</li> <li>• Geran Pembangunan Pasaran</li> <li>• Insentif berasaskan produktiviti</li> </ul>	
<b>Pelan Induk Perindustrian, 2005-2020</b>				
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menaik taraf tahap pengetahuan dan kemahiran</li> <li>• Aplikasi kaedah penanaman dan penggunaan jentera berteknologi tinggi</li> <li>• Mewujudkan hubungan yang lebih erat antara sektor perkilangan dan perkhidmatan sokongan yang berkaitan</li> <li>• Peralihan ke arah pertumbuhan didorong produktiviti</li> <li>• Peningkatan produktiviti melalui penggunaan mesin</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sistem Upah Berkaitan Produktiviti (PLWS) bagi meningkatkan produktiviti pekerja</li> <li>• Pusat Latihan Pertanian Negara</li> <li>• Kolej Pertanian di Kedah</li> <li>• Pengenalan perkhidmatan pertukaran data elektronik (EDI) bagi meningkatkan produktiviti dalam industri logistik</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menaik taraf institusi latihan pertanian sedia ada</li> <li>• Penyelidikan R&amp;D terus digunakan sebagai input bagi proses pembuatan utama untuk meningkatkan kecekapan, produktiviti dan inovasi syarikat</li> <li>• Penyumbahan luar aktiviti berintensif buruh bagi mengurangkan kos pengeluaran negara</li> <li>• Memupuk keupayaan teknologi dan meningkatkan produktiviti PKS</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Geran peningkatan produktiviti, kualiti dan pensijilan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penambahbaikan daya saing kos buruh dalam sektor pembuatan melalui PLWS</li> <li>• Penggunaan teknologi baru seperti <i>computerised numerical control (CNC)</i> dan <i>computer-aided manufacturing (CAM)</i></li> <li>• Penggunaan teknologi pengenalan frekuensi radio (RFID) bagi mengesan pelbagai produk, menawarkan potensi tinggi untuk peningkatan produktiviti dan</li> </ul>

Fokus	Institusi/Dasar	Latihan/Bantuan Teknikal/R&D	Bantuan Kewangan/Insentif	Ekosistem / Peraturan
<p>dan automasi</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Produktiviti hijau, proses pengeluaran yang lebih bersih</li> <li>● Pelaburan yang lebih tinggi dalam aktiviti berasaskan pengetahuan</li> <li>● Mengukuhkan program khidmat nasihat</li> <li>● Melaksanakan program latihan industri dan pertukaran</li> <li>● Mempelbagaikan pengeluaran alat dan produk perubatan yang bernilai tinggi</li> <li>● Peningkatan automasi dalam proses pengeluaran</li> <li>● Menggalakkan pertanian moden dan berskala besar</li> <li>● Mengukuhkan pembangunan sumber manusia</li> <li>● Melahirkan bakat yang berkemahiran secukupnya</li> <li>● Meningkatkan sektor perkhidmatan</li> <li>● Meningkatkan kualiti staf akademik</li> <li>● Peralihan kepada sistem</li> </ul>		<ul style="list-style-type: none"> <li>● Latihan kemahiran bagi meningkatkan produktiviti dalam sektor pertanian dan asas tani</li> </ul>		<p>pengurangan kos</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● <i>Computer-aided design</i> (CAD) digunakan dalam mereka bentuk bagi syarikat-syarikat berorientasikan eksport</li> </ul>



<b>Fokus</b>	<b>Institusi/Dasar</b>	<b>Latihan/Bantuan Teknikal/R&amp;D</b>	<b>Bantuan Kewangan/Insentif</b>	<b>Ekosistem / Peraturan</b>
ganjaran berasaskan prestasi yang menghubungkan produktiviti dan prestasi pekerja				

## 1-2. Produktiviti Buruh Mengikuti Negara Terpilih, 2013 EKS\$

No	Pendapatan Rendah	EKS\$	Pendapatan Sederhana Rendah	EKS\$	Pendapatan Sederhana Tinggi	EKS\$	Pendapatan Tinggi (bukan-OECD)	EKS\$	Pendapatan Tinggi (OECD)	EKS\$
1	Tajikistan	9,236	Guatemala	20,239	Hungary	46,495	Qatar	164,454	Amerika Syarikat	114,930
2	Kemboja	5,476	Armenia	18,421	Turki	42,358	Emeriah Arab Bersatu	123,289	Luxembourg	111,353
3	Bangladesh	5,300	Ukrain	18,003	Islamik Rep. Iran	41,700	Singapura	99,880	Norway	106,387
4	Kenya	4,079	Georgia	17,973	Iraq	39,143	Hong Kong SAR, China	97,634	Ireland	100,924
5	Mali	3,935	Sri Lanka	15,904	Malaysia	37,236	Arab Saudi	95,716	Australia	96,180
6	Uganda	3,800	Morocco	13,660	St. Lucia	36,816	Kuwait	94,224	Belgium	95,590
7	Tanzania	3,598	Moldova	12,761	Mexico	36,042	Barbados	81,496	Austria	89,291
8	Burkina Faso	2,655	Indonesia	12,354	Belarus	35,650	Oman	80,075	Sweden	89,102
9	Mozambique	2,572	Filipina	11,734	Argentina	33,644	Malta	64,959	Perancis	87,509
10	Niger	2,379	Bolivia	10,780	Afrika Selatan	32,404	Cyprus	57,939	Kanada	86,216
11	Ethiopia	2,092	Pakistan	9,786	Republik Dominican	32,262	Croatia	51,828	United Kingdom	85,323
12	Malawi	2,041	India	9,333	Costa Rica	31,444	Bahrain	51,736	Iceland	84,834
13	Madagascar	1,784	Uzbekistan	8,769	Kazakhstan	28,902	Lithuania	51,131	Belanda	83,896
14	Dem. Rep. Kongo	840	Zambia	7,700	Jordan	27,652	Latvia	40,835	Sepanyol	82,766
15	Zimbabwe	353	Nigeria	7,582	Romania	27,612	Persekutuan Rusia	39,047	Finland	81,157
16			Vietnam	7,419	Bulgaria	27,108	Uruguay	31,266	Switzerland	80,482
17			Ghana	7,116	Algeria	26,333			Jerman	79,848
18			Republik Kyrgyz	6,963	Tunisia	25,915			Denmark	79,522
19			Cameroon	5,953	Jamaica	25,518			Itali	78,805
20			Senegal	5,130	Turkmenistan	25,372			Jepun	76,741
21			Sudan	5,019	Albania	24,854			Israel	74,610
22					Ecuador	24,142			Greece	66,660
23					Azerbaijan	21,389			Republik Korea	66,397
24					Peru	21,090			New Zealand	65,117
25					Colombia	20,093			Slovenia	60,841
26					Brazil	19,821			Republik Slovak	59,064
27					China	19,654			Republik Czech	55,019
28					Thailand	19,054			Poland	52,550
29									Portugal	52,014
30									Estonia	43,942
31									Chile	39,660

Sumber: World Bank dan The Conference Board